

15hb. Julai, 1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1977¹

Peperiksaan Am Kerajaan

Adalah dimaklumkan bahawa Peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I dan II sepertimana yang terkandung dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 1972](#) akan digantikan dengan Peperiksaan Am Kerajaan mulai 1. 1. 1978.

2. Peperiksaan Am Kerajaan ini merupakan syarat perkhidmatan umum yang menyeluruh meliputi semua pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dalam Skim-skim Perkhidmatan Kumpulan A dan Kumpulan B sebagai satu daripada syarat-syarat bagi maksud pengesahan dalam jawatan. Tujuannya adalah, antara lainnya:-

- (i) untuk memahami dan menyedari perkembangan dan pergolakan negara; dan
- (ii) untuk mengujud dan memajukan suasana kefahaman dan perpaduan

di kalangan pegawai-pegawai supaya dapat melicinkan dan mengukuhkan pergerakan jentera pentadbiran.

3. Sukatan bagi Peperiksaan Am Kerajaan ini menitikberatkan perkara-perkara mengenai asas negara, aspek-aspek Tatarakyat dan Sejarah Malaysia Moden yang disusun dengan lengkap dan terperinci seperti di Lampiran 'A' kepada Surat Pekeliling ini.

Syarat-syarat Peperiksaan Am Kerajaan

4. Tertakluk kepada perenggan 5, semua pegawai dalam Kumpulan-kumpulan A dan B yang masih berkhidmat dalam percubaan pada atau selepas 1. 1. 1978 dan termasuklah pegawai-pegawai dalam percubaan dalam sebarang perkhidmatan dulunya tidak atau telah mensyaratkan lulus Peperiksaan Bahasa Malaysia Darjah I atau II bagi maksud pengesahannya adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Am Kerajaan yang baharu ini di samping sebarang peperiksaan lain, jika ada, sebelum disahkan dalam jawatan. Sehubungan dengan ini, timbangan boleh diberi bagi tempoh percubaan dilanjutkan sewajarnya tanpa denda. Walau bagaimanapun perlanjutan ini, jika perlu, hendaklah diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

1. Dibatalkan oleh [PP Bil.5/80](#) berkuatkuasa pada 1 Disember 1980.

5. Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini surat-surat perlantikan bagi semua pegawai dalam Kumpulan-kumpulan A dan B jika telah menetapkan antara lain-lain syarat bagi maksud pengesahan, syarat dikehendaki lulus Peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I atau II, dengan tersendirinya terpinda dengan digantikan oleh syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan sekiranya pegawai-pegawai itu belum lagi lulus Peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I atau II sebelum 1.1.1978.

6. Tiap-tiap surat tawaran yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan bagi perlantikan ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan A dan Kumpulan B hendaklah, mulai 1.7.77 mengandungi, antara lain-lain syarat untuk pengesahan, syarat dikehendaki lulus Peperiksaan Am Kerajaan.

Peraturan-peraturan Peperiksaan Am Kerajaan

7. Peperiksaan Am Kerajaan ini akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah kawalan Lembaga Peperiksaan Am Kerajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pemeriksa yang dilantikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Pemeriksa-pemeriksa akan dipilih oleh Ketua Pemeriksa dan lantikannya akan tertakluk kepada persetujuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

8. Peperiksaan Am Kerajaan akan diadakan dua kali setahun. Pengendalian peperiksaan ini akan diumumkan oleh Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

9. Semua keputusan peperiksaan yang diumumkan oleh Lembaga Pemeriksa adalah muktamad dan sebarang rayuan mengenainya tidak akan dilayan.

Am

10. Peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I atau II yang terpakai sekarang akan diadakan buat kali yang akhirnya pada bulan November/Disember, 1977.

11. Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta mengedarkan salinan yang secukupnya Surat Pekeliling ini untuk makluman dan perhatian semua pegawai di bawah jagaan masing-masing supaya kandungannya sampai kepada pengetahuan pegawai-pegawai yang terlibat untuk membolehkan mereka membuat persediaan sewajarnya.

12. Dengan kuatkuasanya peraturan-peraturan bagi Peperiksaan Am Kerajaan sepertimana dalam Surat Pekeliling ini, Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan yang berikut adalah dibatalkan mulai 1. 1. 1978:-

- (i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969;
- (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1969;
- (iii) [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1971;](#)
- (iv) [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 1972.](#)

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)
Bahagian Perjawatan.
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

s.k. Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Setiausaha, Majlis Angkatan Tentera.

Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia.
Kuala Lumpur.